

# Pas tuduh Mahathir bersandiwara

BH 23 JUN 2002

ALOR STAR: Ketua Penerangan Pas.Pusat, Azizan Abdul Razak mendakwa, pengumuman peletakan jawatar oleh Perdana Menteri semalam, sebagai sandiwara politik.

Azizan mendakwa, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sengaja berbuat demikian bagi membolehkan beliau memperoleh semula sokongan pemimpin dan ahli Umno yang lain, selain rakyat, selepas melakukan perubahan berhubung perkara yang ada kaitan dengan hak bangsa Melayu.

Azizan mendakwa, Dr Mahathir berbuat demikian semata-mata untuk mendapatkan 'mandat mengejut' daripada pemimpin dan ahli Umno serta rakyat selepas menyedari ucapan dasarnya dalam Perhimpunan Agung Umno kelmarin, tidak mendapat sokongan penuh perwakilan Umno.

"Dr Mahathir tahu, tindakan beliau yang membenarkan kuota 10 peratus pelajar bukan Bumiputera dalam Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris membuatkan beliau semakin tidak popular di kalangan orang Melayu.

"Dr Mahathir sengaja membuat pengumuman itu untuk mendapatkan 'mandat mengejut' daripada rakyat atau menguji gelanggang," katanya.